

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : MAJLIS MAKAN MALAM ESSO-GAPENA SEMPENA PENYAMPAIAN HADIAH PUISI
KEBANGSAAN ESSO-GAPENA II
Lokasi : KUALA LUMPUR
Tarikh : 04-12-1995

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada GAPENA khususnya Y.Bhg. Tan Sri Dato' Professor Ismail Hussein, kerana mengundang saya sebagai Tetamu Utama di Majlis Makan Malam dan penyampaian Hadiah Puisi Kebangsaan ESO-GAPENA ini. Saya berharap bahawa inti ucapan saya pada malam ini tidak seperti mengajar itik berenang atau mengajar siGalak cara berkokok yang baik.
2. Saya mengucapkan tahniah kepada ESO dan GAPENA yang telah bersama-sama menganjurkan peraduan demi peraduan bagi memajukan dunia penulisan di tanah air. Y.Bhg. Tan Sri Dato' Prof. Ismail Hussein telah berjaya meyakinkan pihak ESO, menabur bakti dan wang bagi membina dan memajukan kesusasteraan, khususnya untuk menyuburkan rasa kemanusiaan dan memantapkan kecintaan kepada bahasa, budaya dan sastera, sehinggakan kedua-dua institusi ini sejak dua dekad lalu berusaha memastikan sayembara sastera dalam bidang novel, puisi, cerita pendek dan drama dapat diteruskan.
3. Masyarakat penulis merupakan satu golongan yang istimewa oleh kerana Allah Subhanahu Wataala telah menganugerahkan ketajaman minda dan keupayaan meluahkan perasaan, emosi, wawasan dan pendapat melalui penulisan sehingga boleh mempengaruhi pembaca. Sesungguhnya, mata pena adalah lebih tajam daripada sebilah pedang. Golongan penulis boleh membuatkan para pembaca itu gembira, ketawa, gelisah, sedih, menangis, berani dan pelbagai perasaan lagi. Oleh itu, janganlah sekali-kali para penulis dan sasterawan yang memiliki kelebihan ini menghasilkan penulisan-penulisan yang kurang beretika yang boleh membawa kepada perkara-perkara yang tidak baik dan negatif kepada individu, masyarakat, organisasi dan kepada negara. Saya adalah berpendapat sudah sesuai dengan masanya masyarakat penulis mempunyai kod etika penulisan yang tersendiri, dan dihayati, diamalkan sepenuhnya dan menjadi pegangan hidup oleh masyarakat penulis, yang diiktiraf sebagai penggubal minda dan pengungkap citarasa bangsa, pendidik akal dan sanubari umat, pemupuk nilai-nilai murni, penyubur budaya ilmu dan pemantap daya juang masyarakat Malaysia.
4. Para sasterawan atau penulis yang berbakat kini juga wajar lebih berdaya-utama. Menjelang abad kedua puluh satu, persaingan dalam sosio-ekonomi- politik akan semakin rencam dan tajam. Penulis yang kuat, bercita-cita besar dan bekerja kuat sama ada siap memperdalam ilmu pengetahuan dalam bidang sastera dan ilmu bantu lain, yang pandai mendisiplinkan diri dalam kerja-kerja kepengarangannya, individu inilah nanti yang akan dapat menjadi tokoh penting di abad akan datang. Kita pernah mendengar sasterawan-sasterawan besar dunia begitu teliti dan mendalami bidang-bidang tertentu dengan kajian-kajian saintifik bagi menjayakan karya masing-masing. Mereka juga berusaha menguasai alat-alat yang canggih di samping menguasai bahasa-bahasa lain untuk menembusi pasaran antarabangsa. Oleh itu, para penulis kita perlulah berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan dan mendapat pengalaman-pengalaman yang baru agar penulisan mereka lebih kaya dan menyeluruh sampai ke segenap pelusuk alam ini.
5. Masa depan dunia kreatif dalam Asia-Pasifik pun amat menjanjikan sekiranya sasterawan Melayu (Malaysia) boleh menguasai dua atau tiga bahasa. Pasaran karya kreatifnya seperti buku-buku novel, puisi, drama, esei dan cerita pendek dapat dipasarkan dengan luas beredar dalam dua tiga bahasa penting dunia.
6. Dalam usaha meningkatkan pengiktirafan kepada penulis-penulis adalah disarankan supaya pihak institusi dan organisasi yang mempunyai akhbar, jurnal atau majalah berunding dengan sektor koporat bagi menjalin kerjasama yang lebih erat untuk tujuan tajaan dan lain-lain. Dengan cara itu karya-karya kita yang bermutu akan lebih mudah mendapat penglibatan sektor swasta selain daripada sokongan pihak Kerajaan sendiri. Dengan adanya penglibatan semua pihak, kalangan di luar sastera tidak akan memandang remeh bidang sastera.
7. Sistem penghargaan amat penting. Apa yang dipesankan oleh cerdik pandai gurindam lama Melayu

dahulu, boleh kita jadikan iktibar. Pujangga Melayu bergurindam: Keris Sempana Ganja Iras Keris Panjut putih Besi dititik besi ditinting Serpai besi khursani Sebulan dagang menggalas Jejak ditikam mati juga Setitik darah ke daratan Setahun padi tak jadi Setitik darah ke lautan Setahun ikan tak bermain Begitulah ibaratnya kehandalan tokoh lama yang benar-benar diletakkan pada martabatnya yang tinggi. Kewibawaannya benar-benar terserlah, dikagumi dan dihormati. Generasi sekarang hendaklah pandai menghormati para pujangganya. Sekiranya mereka tidak menghargai tokoh-tokoh yang telah berjasa, maka tidaklah bererti apa-apa wawasan dan hikmah yang sudah kita dapati daripada kesusasteraan; kita tak ubah seperti kata pantun: Berburu ke Padang Datar, Dapat rusa belang kaki, Berguru kepalang ajar, Bagi bunga kembang tak jadi.

8. Saya percaya kita dapat memadukan kekuatan dalam membina seni sastera Malaysia. Semoga pihak GAPENA yang mewakili hampir 30 badan penulis tanah air, Dewan Bahasa dan Pustaka yang mempunyai sasaran kerja menjelang tahun 2000 dan seterusnya dalam abada ke-21 dan badan-badan korporat yang mencintai kemajuan sastera dan budaya Malaysia boleh bekerjasama dengan akrab bagi mendukung cita-cita mendaulat dan memertabatkan sastera dan budaya Malaysia. Saya berharap mereka akan terus memajukan lagi hasil kreatif sasterawan kita, tidakkah: Yang kurik kundi Yang merah saga Yang cantik budi Yang indah sastera

9. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada pemenang-pemenang sayembara penulisan puisi-puisi patriotik anjuran ESSO dan GAPENA pada tahun ini.